

KENYATAAN MEDIA

Unit Fintech SEDANIA diiktiraf untuk kecemerlangan inovasi

SEDANIA As Salam memenangi anugerah global yang mengiktiraf rekod prestasinya sebagai penyedia penyelesaian teknologi kewangan Islam terkemuka

KUALA LUMPUR (21 MAC): Anak syarikat Fintech SEDANIA Innovator Bhd (“SEDANIA”) SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd (“SEDANIA As Salam”) diiktiraf sebagai *Best Islamic Fintech Solutions Provider in Malaysia* oleh penerbitan perniagaan global *World Business Outlook* dalam edisi anugerah untuk 2023.

Pengiktirafan ini mengukuhkan kedudukan SEDANIA As Salam sebagai penyedia penyelesaian teknologi kewangan Islam terkemuka di Malaysia, yang telah memperkasakan sekitar 95 institusi perkhidmatan kewangan (FSI) di negara ini dengan penyelesaian teknologi kewangan patuh Syariah dan memproses pembiayaan bernilai lebih RM80 bilion setakat ini.

Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA As Salam, Nisa Ismail berkata, “Anugerah ini mengiktiraf keupayaan SEDANIA As Salam dalam membolehkan transformasi digital yang lancar untuk industri perkhidmatan kewangan, sekali gus mempercepatkan penggunaan perbankan digital di Malaysia dan mungkin negara-negara lain.

“Kami berada dalam kedudukan yang strategik untuk memacu transformasi digital industri perkhidmatan kewangan dengan pelbagai penyelesaian inovatif termasuk platform dagangan komoditi digital As-Sidqi yang dipatenkan serta Program Pembiayaan GoHalal, yang menyediakan akses kepada pembiayaan yang mudah dan selamat untuk rakyat Malaysia.

“Ini dijayakan melalui kerjasama kami dengan beberapa rakan kongsi teknologi global di mana kami telah menggabungkan teknologi untuk menghasilkan ekosistem yang membolehkan penubuhan digital dan neobanks. Disokong dengan kerjasama-kerjasama strategik ini, kami berada pada kedudukan yang lebih strategik untuk menyediakan infrastruktur digital inovatif yang memastikan pengalaman terbaik dan memenuhi keperluan perbankan pelanggan.”

Nisa menambah bahawa perjanjian perkongsian SEDANIA As Salam baru-baru ini dengan syarikat amanah patuh Syariah terbesar di Malaysia, Wasiyyah Shoppe Berhad (“Wasiyyah Shoppe”) membolehkannya menawarkan platform *hibah* digital sepenuhnya kepada 95 pelanggan FSInya.

Penyelesaian tersebut bertujuan untuk meningkatkan jangkauan serta kesedaran *hibah* sebagai penyelesaian perancangan harta pusaka dan pewarisan Islam di kalangan masyarakat Islam.

Pada 1 Mac 2023, SEDANIA menyempurnakan pengambilalihan sebanyak 20% pemilikan dalam syarikat amanah patuh Syariah Wasiyyah Shoppe.

SEDANIA As Salam seterusnya menandatangani perjanjian dengan Wasiyyah Shoppe untuk menjadi rakan kongsi korporat eksklusifnya bagi segmen FSI dan perusahaan untuk memperkenalkan *hibah* sepenuhnya dan penyelesaian warisan penganut Islam yang lain.

-TAMAT-

Mengenai Sedania As Salam Capital Sdn Bhd

Sedania As Salam Capital Sdn Bhd (SASC), adalah anak syarikat milik penuh Sedania Innovator Berhad, yang menyediakan teknologi untuk memperkasa institusi kewangan dengan penyelesaian fintech Islam.

Secara terasnya, As-Sidq adalah sebuah platform dagangan komoditi digital yang mematuhi Syariah yang memudahkan pembrokeran komoditi digital yang selamat, boleh digunakan secara langsung pada bila-bila masa untuk keperluan institusi kewangan Tawarruq (komoditi murabahah). Sehingga kini, platform As-Sidq telah memperkasakan hampir 95 institusi perkhidmatan kewangan di Malaysia

Bagi melengkapkan ekosistem fintech Islam kami, satu kolaboratif keupayaan perbankan dan kewangan komposit disediakan bagi membolehkan dan mempercepatkan kesediaan digital institusi kewangan.

Log masuk ke laman web syarikat kami di <https://www.sedaniaassalam.com/> untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pemerksaan teknologi.

Untuk pertanyaan lebih lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong / Darryl Louis De Souza

Sedania As Salam Capital Sdn Bhd

Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620 / +6017 2407 881

Emel: media@sedaniainnovator.com